

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembaikan rumah PPR Kibabaig yang dijangka siap pada bulan Oktober 2020 untuk membolehkan pengisian dilakukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerja-Kerja Pembinaan Tembok Penahan, Program Perumahan Rakyat (PPR) Kibabaig dijangka siap pada 5 Februari 2021 setelah mengambil kira perlanjutan masa (EOT) disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mengikut laporan kontraktor, kemajuan sebenar di tapak adalah 56% berbanding 71% yang dijadualkan.
2. Manakala bagi Kerja-kerja Menaik Taraf Jalan Masuk ke PPR Kibabaig pula, tarikh jangkaan siap semasa adalah pada 2 Februari 2021 setelah mengambil kira EOT PKP. Berdasarkan laporan kontraktor, kemajuan sebenar di tapak adalah 47% berbanding 57% yang dijadualkan.
3. Punca kelewatan adalah disebabkan kontraktor menunggu pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) memindahkan kabel voltan rendah yang terletak di laluan pembinaan tembok penahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jika sebuah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah baru akan dibina di daerah Penampang untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan yang selesa kepada semua murid di seluruh negara. Bagi menampung keperluan pendidikan menengah di kawasan Penampang, projek pembinaan sekolah baharu di SMK Kipouva, Penampang telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2016) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan berkaitan. Projek ini adalah di bawah seliaan KPM dan kini berada dalam peringkat perolehan.

Selain itu projek pembinaan gantian penuh bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain bagi SMK Datuk Peter Mojuntin dan SK Tansau telah diluluskan dalam *Rolling Plan 4* (Tahun 2020) RMKe-11. Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan untuk memanjangkan Bantuan Prihatin Nasional kepada semua lapisan masyarakat akibat COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah membawa impak yang meluas dan menjaskankan kehidupan rakyat dan aktiviti perniagaan. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil tindakan pantas dan proaktif untuk menangani krisis berkenaan dengan memperkenalkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN dan BPN 2.0) sebagai bantuan tunai tambahan kepada Bantuan Sara Hidup (BSH) khusus untuk golongan yang benar-benar layak merangkumi keseluruhan peruntukan berjumlah RM23.2 bilion.
2. Sebagai contoh sekiranya Encik Ali berpendapatan di bawah RM2,000 dan mempunyai 4 orang anak yang layak, beliau akan menerima BSH sebanyak RM1,480, BPN sebanyak RM1,600 dan BPN 2.0 sebanyak RM1,000 yang keseluruhannya berjumlah RM4,080.
3. Pihak Kerajaan amat peka dan prihatin dengan kesukaran yang dialami oleh rakyat pada ketika ini. Sehubungan dengan itu, BPN bukan sahaja diberikan kepada golongan B40 malah turut dipanjangkan kepada golongan M40 (had pendapatan RM8,000 dan ke bawah) iaitu golongan

mudah terjejas baharu (*newly vulnerable groups*) yang layak dan terkesan akibat perubahan terhadap status pendapatan mereka ekoran impak penularan COVID-19.

4. Semua lapisan masyarakat dapat menikmati bantuan daripada inisiatif PRIHATIN dan PENJANA termasuklah moratorium bayaran balik pinjaman, Bantuan Prihatin Elektrik, pengurangan caruman KWSP, Geran Khas Prihatin serta subsidi upah dan juga bantuan bank bersasar yang diumumkan pada hujung Julai 2020 serta dana pinjaman mudah untuk PKS.
5. Kerajaan kekal komited dalam memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan yang terjejas akibat COVID-19.

Sekian, terima kasih.